

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PENYAMPAIAN HADIAH-HADIAH KEPADA
PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN
MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KE-
BANGSAAN/ANTARABANGSA DI STADIUM
MERDEKA, KUALA LUMPUR PADA 10HB
NOVEMBER, 1971

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik bersama dengan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran beserta pacal-pacal sekalian menjunjung kasih yang tidak terhingga atas kesudian Kebawah Duli Tuanku berangkat untuk menghadiri Majlis Penutup Pertandingan Membaca Al-Quran kali yang ke tiga belas pada malam ini.

Tidak syak lagi, keberangkatan Duli Tuanku membawa sinar gemilang kepada majlis pada malam ini dan menjadi bukti yang nyata atas riayah dan minat Duli Tuanku yang sangat besar dan mendalam terhadap Pertandingan ini.

Kemuncak dari kegembiraan patik sekalian pada malam ini ialah kesudian Kebawah Duli Tuanku menyampaikan hadiah-hadiah kepada pacal-pacal yang berjaya dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang telah berlangsung selama lima malam berturut-turut. Tidak syak lagi, limpah kemurahan hati Duli Tuanku akan menjadi ingatan yang berkekalan kepada pacal-pacal sekalian.

Ampun Tuanku,

Patik pohon izin untuk berucap sepatah dua kepada Dhif-dhif yang hadir sekalian.

Alhamdulillah, syukurlah kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini berjalan sempurna dengan penuh kejayaan. Selama enam malam berturut-turut suara bacaan Al-Quranul-Karim telah berkumandang dari Stadium Merdeka ini

menghidupkan “sunnah” Islam yang terpuji dan membawa penawar yang penuh berkat kepada hati dan jiwa seluruh umat Islam di negara kita ini.

Saya percaya selama pertandingan ini berlangsung seluruh umat Islam di Malaysia dan juga umat Islam negara-negara yang berjiran telah menumpukan perhatian ke pentas pertandingan di Stadium Merdeka ini mengikuti bacaan oleh Qari dan Qariah dari beberapa negara yang bersama-sama menyertai “pertandingan membaca Al-Quran” di Kuala Lumpur ini.

Ramai rakyat dari jauh dan dekat dengan rasa penuh gembira telah datang membanjiri Stadium ini pada tiap-tiap malam pertandingan, dan lebih ramai lagi mengikuti pertandingan ini menerusi peti talivisyen dan radio masing-masing dari Perlis sampai ke Sabah.

Saya berharap di samping kita menikmati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, kita akan terus mendalami ajaran-ajaran dan panduan-panduan yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Quran itu, kerana Al-Quran adalah sebenar-benar kitab panduan manusia untuk dunia dan akhirat. Sebagai saudara-saudara maklum, Al-Quran ialah penyuluh umat Islam yang mutlak, dan mereka yang meninggalkan ajaran dan hikmat, amalan dan panduan dalam Al-Quran itu akan ketinggalan oleh zaman dan ketinggalan dalam segala-galanya.

Sebahagian besar umat Islam pada hari ini masih tertinggal dalam banyak lapangan kemajuan kerana tidak dapat menjalankan panduan-panduan Al-Quran dalam kegiatan hidup mereka. Mereka tersisih dari taraf kemuliaan yang sewajarnya yang dinyatakan oleh Tuhan dalam Al-Quran.

Maka adalah menjadi kewajipan umat Islam pada hari ini berusaha memperbaiki hidup mereka, menurut panduan Al-Quran, untuk mendapatkan kembali payung kemuliaan dan kebahagiaan yang sewajarnya dan yang dikehendaki. Junjungan kita Muhammad s.a.w. menyatakan bahawa Allah kasih kepada orang Islam yang menjalankan kerja dan usahanya dengan bersungguh-sungguh; Allah kasih kepada orang Islam yang kuat imannya; dan Allah juga kasih kepada orang Islam yang tolong-menolong sesama sendiri.

Oleh itu kita hendaklah bersungguh-sungguh menjalankan usaha sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah. Kita hendaklah mencari kekuatan diri sebagai umat Islam, dan kita hendaklah tolong-menolong sesama sendiri. Mudah-mudahan dengan kesungguhan kita mengamalkan panduan-panduan Al-Quran, dapatlah kita mencapai kemuliaan dan kesempurnaan hidup.

Saya sangat sukacita Pertandingan Al-Quran pada tahun ini di Peringkat Antarabangsa telah mendapat sambutan yang besar. Saya harap pada tahun hadapan lebih ramai lagi negara-negara akan menghantar wakilnya untuk menyertai Pertandingan ini. Demikianlah dari setahun ke setahun pertandingan Membaca Al-Quran ini telah memancarkan Syiar Islam dari Stadium Merdeka ini ke seluruh dunia Islam, menyinarkan kalimah Allah, dan perasaan persaudaraan dan persahabatan dari umat Islam Malaysia kepada seluruh umat Islam di mana saja mereka berada. Sebagaimana kita maklum agama Islam ialah agama persaudaraan antara sesama manusia, dan pertandingan ini telah berjaya memupuk persaudaraan ini sehingga Malaysia telah mendapat penghormatan dan sanjungan dari negara-negara Islam yang lain.

Dengan izin Allah saya akan terus menyambung usaha mengadakan pertandingan yang diberkati Allah ini.

Saya juga sukacita bahawa kelas menghafaz Quran di Masjid Negara berjalan terus dengan maju dan kumpulan yang pertama pelajar-pelajar yang keluar dari kelas itu sedang menyambung pengajiannya masa ini di Kahirah. Begitu pula langkah permulaan Instituti Dakwah telahpun dimulakan sekarang dengan mengadakan kursus dakwah jangka pendek kepada pelajar-pelajar Islam dari pusat-pusat pengajian tinggi kita.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah menyambut baik jemputan kita untuk membantu serta mengambil bahagian dalam Pertandingan ini.

Malaysia terutamanya terhutang budi kepada Republik Arab Mesir yang telah menghantar seorang hakim dan qari-qarinya yang terkenal, begitu juga kepada Arab Saudi, Maghribi, Indonesia, Thailand dan Singapura yang masing-masing telah menghantar seorang Hakim untuk Pertandingan ini.

Begitu juga saya suka menyatakan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia dan kepada semua pegawai-pegawai yang berkaitan yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan Pertandingan ini.

Akhirnya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Pertandingan terutama sekali kepada Pengerusinya Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir, Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil dan semua mereka yang telah memberi sumbangan dalam apa cara jua untuk menjayakan Pertandingan ini. Allah sahajalah yang akan dapat memberi balasannya dan semoga mereka akan diberi taufik untuk meneruskan khidmat bakti dengan berlebih-lebihan lagi kepada ugama dan negara.

As-salamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.